

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

SOALAN

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan

- (a) usaha terkini Kementerian untuk menangani isu kemiskinan haid di Malaysia, mengambil kira impak COVID-19 terhadap kemampuan segmen miskin untuk membeli produk sanitari; dan
- (b) Statistik jumlah individu yang mengalami kemiskinan haid dari tahun 2019 hingga 2021, dipecahkan mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mengambil inisiatif dalam membantu untuk menangani Kemiskinan Haid dengan melaksanakan pelbagai strategi yang boleh memberikan impak secara langsung kepada kumpulan sasar terutama golongan B40. Buat masa ini, tiada statistik berkaitan kemiskinan haid di Malaysia yang telah dilaporkan. Walaubagaimanapun, pelestarian terhadap isu dan polemik mengenai Kemiskinan Haid telah mengorak langkah kepada LPPKN melaksanakan Program Pemberian Kit Kebersihan Asas pada September 2021 oleh LPPKN W.P Kuala

Lumpur kepada remaja dalam kawasan *hotspot* dalam bandar. Sebanyak 13 Komuniti PPR dan dua (2) Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sekitar Kuala Lumpur terlibat dalam pelaksanaan projek ini yang melibatkan penyertaan seramai 350 orang remaja dalam kalangan B40.

Tinjauan pendapat juga telah dijalankan kepada kumpulan sasar bagi mengenal pasti isu permasalahan dan pemahaman kumpulan sasar terhadap isu kemiskinan haid. Hasil dapatan daripada tinjauan pendapat kepada penerima remaja tersebut mendapati sebanyak 13.1 peratus (%) remaja tersebut menyatakan harga produk pengurusan haid di pasaran tidak berpatutan dan tidak mampu dimiliki dan sebanyak 16.4 peratus (%) pula menyatakan pernah mengalami kesulitan mendapatkan produk pengurusan haid dalam tahun ini. Data ini menunjukkan bahawa masih terdapat golongan yang terkesan dengan isu kemiskinan haid di Malaysia sebagai negara yang sedang membangun.

Dengan pengumuman Bajet 2022 ini, kerajaan telah mengambil inisiatif bagi membantu golongan yang memerlukan dan pada masa yang sama kita dapat mengkaji prevalens isu ini dalam kalangan remaja dan wanita di Malaysia. Program ini akan melibatkan pemberian Kit Kebersihan Asas dan bekalan tuala wanita kepada seramai **130,000 orang remaja perempuan** berumur 13 hingga 17 tahun dalam kalangan B40 di kawasan luar bandar dan bandar menerusi sekolah menengah terpilih dengan pelbagai platform dan jaringan rakan strategik kolaborasi daripada agensi kerajaan, swasta, dan Badan Bukan Kerajaan.

Program ini merupakan *entry point* kepada elemen utama iaitu meningkatkan pengetahuan dan pembangunan kemahiran kesihatan reproduktif dan kebersihan menstruasi menerusi program advokasi yang dijalankan di sekolah-sekolah terlibat bagi membentuk remaja perempuan yang berkeyakinan, mempunyai jati diri, dan resilien agar mengamalkan gaya hidup positif dan sihat. Tambahan lagi, kita dapat mengkaji faktor yang menyumbang kepada kemiskinan haid dan langkah terbaik bagi menangani masalah ini pada jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PARLIMEN, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

SOALAN

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pembinaan Hospital Seberang Jaya yang bakal menempatkan penambahan 638 katil serta perkhidmatan klinikal, rehabilitasi, dan pediatrik kardiotorasik termasuk jangka masa siap dan pelan terkini setelah tertunda sekian lama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Projek Pembinaan *Multi Storey Block*, Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang telah diluluskan pada tahun 2012 di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), *Rolling Plan* Kedua (RP-2). Projek ini yang melibatkan pembinaan sebuah blok bangunan baharu dengan kapasiti 316 katil.
2. Projek Pembinaan *Multi Storey Block*, Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang kini berada dalam fasa pembinaan dengan kemajuan fizikal sebenar sehingga 30 November 2021 adalah sebanyak 74.83% dan dijangka akan siap pada suku keempat 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
(PERMATANG PAUH)**

SOALAN

**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) bilangan individu yang dijatuhkan hukuman mati mengikut jenis kesalahan sejak Oktober 2018; dan
- (b) bilangan individu mengikut jantina, umur, kaum, kewarganegaraan, dan jenis dadah yang dijatuhkan hukuman mati di bawah seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya sejak 1 Januari 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) rekod Jabatan Penjara Malaysia sehingga 12 Oktober 2021 menunjukkan bahawa terdapat seramai **1,359** orang banduan yang telah disabitkan bersalah oleh Mahkamah dan dijatuhkan hukuman mati. Walau bagaimanapun, hukuman mati tersebut belum dapat dilaksanakan kerana **509** orang banduan masih lagi dalam proses rayuan di peringkat Mahkamah Rayuan dan Persekutuan, manakala **850** orang dalam proses rayuan kepada Lembaga Pengampunan Negeri.

Daripada jumlah banduan akhir tersebut, seramai **402** orang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 302 Kanun Kesiksaan (membunuh). Di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (pengedaran dadah) pula terdapat seramai **925** orang yang telah disabitkan. Manakala **8** orang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 121 Kanun Kesiksaan (berperang dengan Yang DiPertuan Agong). Selain itu, bagi kesalahan dibawah Seksyen 3 dan 7 Akta Senjataapi (melepaskan tembakan di bawah kesalahan berjadual dan berdagang senjataapi) terdapat seramai **17** orang. Statistik Jabatan Penjara Malaysia turut menunjukkan seramai **5** orang dan **2** orang masing-masing disabitkan dibawah Seksyen 3 Akta Culik dan Seksyen 396 Kanun Kesiksaan (rompakan berkumpulan dan pembunuhan). Manakala, terdapat seorang banduan disabitkan dibawah Seksyen 57 (1)(A) Akta Keselamatan Dalam Negeri (kesalahan melibatkan senjataapi dan bahan letupan).

SOALAN NO: 308

- (b) Daripada **1,359** orang banduan yang telah disabitkan bersalah oleh Mahkamah dan dijatuhkan hukuman mati, seramai **837** orang banduan adalah warganegara Malaysia, yang terdiri daripada **406** orang banduan Melayu, **209** orang banduan India dan **181** orang banduan Cina. Manakala seramai **43** orang banduan terdiri daripada lain-lain etnik. Bagi kategori banduan bukan warganegara, terdapat seramai **529** orang banduan, yang berasal dari **41** buah negara.

Bagi pecahan mengikut kategori umur pula, seramai **323** orang banduan terdiri daripada mereka yang berumur 21 tahun ke 30 tahun. Seramai **571** orang banduan berada di dalam kategori umur di antara 31 tahun ke 40 tahun, manakala **357** orang banduan berumur di antara 41 tahun ke 50 tahun. Bagi banduan hukuman mati yang berumur di antara 51 tahun ke 60 tahun, terdapat seramai **92** orang banduan dan **23** orang banduan berumur 60 tahun ke atas.

Antara jenis-jenis dadah yang telah disalahguna oleh pesalah sehingga boleh dijatuhkan hukuman di bawah Seksyen 39 (B) Akta Dadah Berbahaya adalah Heroin, Ganja, Syabu, Morfin, Opiat dan Stimulan.